

16 JUL 2003

Pelancongan-Dialog/I

MUKHRIZ: SEKTOR PELANCONGAN PERLU LEBIH BERDAYA TAHAN

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Sektor pelancongan yang bernilai berjuta-juta ringgit, penyumbang pendapatan kedua terbesar negara, mesti mempunyai daya tahan untuk menghadapi krisis pada masa depan.

"Industri pelancongan tidak mempunyai daya tahan yang mencukupi, kita terlalu terdedah kepada masalah. Kita perlu belajar supaya lebih lasak dalam apa sahaja situasi," kata Pengerusi Bioven Holdings Sdn Bhd Mukhriz Mahathir kepada Bernama.

Negara ini katanya berhadapan dengan siri masalah dan yang terbaru ancaman Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Kita proaktif tetapi kita perlu menjadikan industri ini lebih kuat supaya jika ada masalah seperti ini kita boleh bingkas bangun. Kita perlu mengkaji semula industri ini supaya ia mempunyai daya tahan," katanya selepas menghadiri dialog Pengembaraan Pelancongan New Straits Times pertama bertema "Tourism: The Way Forward" di sini hari ini.

Seramai 200 wakil industri pelancongan menyertai dialog sehari itu yang membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi sektor itu serta cadangan untuk bergerak ke depan.

Semasa menyampaikan pandangan para peserta pada sesi pleno, Mukhriz berkata data lengkap mengenai pelancongan perlu dikumpul dan dianalisis bagi memperbaiki sektor itu. Kajian terperinci masih kurang dan tidak meliputi kumpulan sasaran.

Kajian sistematik dan komprehensif mesti dilakukan secara berterusan dan hasil kajian itu mesti disalurkan kepada industri, katanya.

Pada dialog itu, para peserta menggesa media memainkan peranan yang seimbang bagi melindungi sektor yang sensitif kerana sebarang publisiti negatif akan memberi kesan buruk kepada kedatangan pelancong ke negara ini.

Eksekutif Editor Bernama Azman Ujang pula berkata media tempatan mesti membuat laporan seimbang dan bertanggungjawab selain menjalin hubungan yang lebih baik dengan media asing.

Sambil menyebut ancaman SARS, pengusaha industri pelancongan berkata media tidak sepatutnya membesarkan isu terbabit tetapi sebaliknya segera memulihkan sektor yang terjejas teruk itu.

-- BERNAMA

VP HM LAT